



09 JUL, 2021

## MAFI Prihatin bantu 21,802 penerima

Sinar Harian, Malaysia

Page 1 of 2

## MAFI Prihatin bantu 21,802 penerima

**KOTA BHARU** - Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) menerusi program MAFI Prihatin memberi bantuan kepada seramai 21,802 orang penerima terdiri daripada pasukan barisan hadapan, badan kebajikan dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO).

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II, Datuk Che Abdullah Mat Nawawi berkata, ia melibatkan 82 lokasi seluruh negara dengan jumlah keseluruhan penyaluran makanan sebanyak 37.51 metrik tan.

“Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Fama) melalui MAFI Prihatin juga telah membantu seramai 425 usahawan tani.

“Fama membantu memasarkan 44 jenis hasil pertanian dan produk mereka yang mengalami kesukaran dalam pemasaran semasa pelaksanaan Sekatan Pergerakan Penuh,” katanya dalam satu kenyataan pada Rabu.

Beliau turut hadir menyerahkan bantuan MAFI Prihatin kepada 80 petugas barisan hadapan di Pusat Pemberian Vaksin (PPV), Dewan Sri Tunjong, Jabatan Pendidikan Negeri Kelantan di sini pada Rabu.

Sumbangan berbentuk hasil pertanian seperti sayur-sayuran dan buah-buahan itu adalah kesinambungan program MAFI Prihatin, bertujuan membantu meringankan beban rakyat yang terkesan akibat Covid-19.



**Che Abdullah** (dua dari kanan) menyampaikan sumbangan kepada wakil penerima, Pegawai Perubatan U54, Dr Nik Insusinarti Shafei di PPV, Dewan Sri Tunjong, Jabatan Pendidikan Negeri Kelantan, Kota Bharu pada Rabu.



09 JUL, 2021

## MAFI Prihatin bantu 21,802 penerima

Sinar Harian, Malaysia

Page 2 of 2

### SUMMARIES

KOTA BHARU - Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) menerusi program MAFI Prihatin memberi bantuan kepada seramai 21,802 orang penerima terdiri daripada pasukan barisan hadapan, badan kebajikan dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO). Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II, Datuk Che Abdullah Mat Nawi berkata, ia melibatkan 82 lokasi seluruh negara dengan jumlah keseluruhan penyaluran makanan sebanyak 37.51 metrik tan. "Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Fama) melalui MAFI Prihatin juga telah membantu seramai 425 usahawan tani.